

19 OCT 1996
LEAD Zahid-Pemuda
PEMUDA UMNO TUBUH MAJLIS GANTI BIRO

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno hari ini menubuhkan 22 majlis bagi menggantikan biro yang selama ini wujud dalam sistem pentadbiran pergerakan itu.

Ketuanya yang baru Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata penubuhan majlis itu merupakan sebahagian daripada proses meramaikan penglibatan pemimpin Pemuda di samping melatih dan menyediakan mereka untuk menjadi pemimpin masyarakat.

Zahid mengumumkan demikian selepas mempengerusikan mesyuarat pertama pergerakan itu selepas pemilihan 9 Okt lepas, di ibu pejabat parti di sini.

Mesyuarat hari ini juga melantik tiga pegawai -- Saifuddin Nasution Ismail (Penolong Setiausaha), Mokhzani Mahathir (Penolong Bendahari), Datuk Fatah Iskandar (Ketua Penerangan) dan Radin Mokhtar Yusof (Setiausaha Kerja).

Lima anggota Exco tambahan juga dilantik terdiri daripada Nordin Md Noor (Pulau Pinang), Jamal Nasir Rasdi (Perak), Dr Abdul Rahim Md Ghouse (Pulau Pinang), Abdul Rahin Datuk Haji Mohd Said (Terengganu) dan Abdul Kadir Daud (Melaka).

Ahmad Zahid berkata pelantikan itu mendapat restu Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang beliau kunjungi sebelum mesyuarat hari ini.

Beliau menarik perhatian kepada penubuhan Majlis Briged Putra yang akan mengadakan program menarik minat anak muda lepasan sekolah untuk menyertai kegiatan parti.

Ketika ditanya mengenai pelantikan Ketua Pemuda negeri, beliau berkata pelantikan itu akan hanya dibuat selepas Perdana Menteri mengumumkan pelantikan Ketua Perhubungan Umno Negeri.

Ahmad Zahid juga mengambil kesempatan mewakili barisan Exco yang baru dipilih dan dilantik mengucapkan terima kasih kepada bekas Ketua Pemuda Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik dan barisan kepimpinan terdahulu.

"Pergerakan Pemuda akan berusaha meneruskan program yang diilhamkan Tan Sri Rahim termasuk Majlis Perniagaan Asia Timur Konvensyen Pembelaan Melayu dan Komanwel Negara-negara Islam," katanya.

Berikut ialah susunan portfolio Exco Pergerakan Pemuda Umno bagi tahun 1996-1999:

Majlis Ehwat Antarabangsa:	Datuk Hishamuddin Tun Hussein
Majlis Perkhidmatan Penerangan:	Datuk Fatah Iskandar
Majlis Ehwat Agama:	Ruslan Kassim
Majlis Pendidikan:	Mohd Khaled Nordin
Majlis Sukan:	Jema Khan Datuk Majid
Majlis Ehwat Pengguna:	Abdul Aziz Sheikh Fadzil
Majlis Tindakan Sosial:	Sooaimi A. Rahman
Majlis Perumahan Rakyat:	Mohamad Supardi Mohd Nor
Majlis Pembangunan Luar Bandar:	Abdul Fatah Abdullah
Majlis Pengurusan Latihan:	Abdul Wahab Din
Majlis Tindakan Alam Sekitar:	Azizan Yaakob
Majlis Perkhidmatan Setinggian:	Abdul Azim Mohd Zabidi
Majlis Sains dan Teknologi:	Zein Isma Ismail
Majlis Intergrasi dan Perpaduan Nasional:	Zulkifli Mohd Alwi
Majlis Siswazah:	Zaiyadi Awang Noh
Majlis Pembangunan Bandar:	Nur Jazlan Mohamed
Majlis Kebudayaan dan Kesenian:	Samlih Juaisin
Majlis Pembangunan Usahawan:	Nordin Md Noor
Majlis Ehwat Tenaga Kerja:	Jamal Nasir Rasdi
Majlis Ekonomi:	Dr Abdul Rahim Md Ghouse

Majlis Pembangunan Belia:
Majlis Briged Putra:
--BERNAMA
NZ RON

Abdul Rahin Datuk Haji Mohd Said, dan,
Abdul Kadir Daud.